

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]**

SOALAN : 434

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan komitmen Kerajaan dalam menepati Janji 100 hari manifesto Pakatan Harapan mengenai isu taraf kewarganegaraan kaum India. Berapakah jumlah kewarganegaraan yang telah diberikan kepada kaum India mulai 9 Mei 2018 sehingga hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 14 Ogos 2018 dan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2018, penganugerahan kewarganegaraan kepada pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) tanpa mengira kaum yang berumur 60 tahun dan ke atas, Kementerian sedang melaksanakan tindakan segera terhadap semua permohonan kewarganegaraan secara berperingkat dan selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Selain daripada itu, Kementerian sedang dalam peringkat akhir pengemaskinian Standard Operating Procedure (SOP) Permohonan Kewarganegaraan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertimbangan permohonan adalah berdasarkan kepada SOP yang telah mengambil kira aspek kemanusiaan serta diperincikan daripada peruntukan Perlembagaan Persekutuan seperti mana berikut:

1. Memenuhi tempoh kemastautinan yang dikira daripada pegangan kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR);

2. Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang diukur melalui tiga (3) komponen Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu (UPBM) iaitu lisan, membaca dan menulis; dan
3. Berkelakuan baik yang dinilai melalui Tapisan Keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Bagi permohonan kewarganegaraan yang dikemukakan antara tahun 2013 hingga 30 Mei 2018, Kementerian telah berjaya menyelesaikan kesemua 1,667 permohonan kewarganegaraan yang dikemukakan oleh pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) berketurunan India berumur 60 tahun dan ke atas. Daripada jumlah tersebut, 1,641 permohonan telah diluluskan manakala baki 26 permohonan telah ditolak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat perbezaan bagi pemohon yang telah diluluskan permohonan kewarganegaraan dan pemohon yang telah dianugerahkan kewarganegaraan sepertimana berikut:-

- i. Pemohon yang telah **diluluskan permohonan kewarganegaraan;** dan
- ii. Pemohon yang telah **diluluskan permohonan dan dianugerahkan kewarganegaraan.**

Justeru itu, para pemohon yang telah mendapat kelulusan hendaklah **hadir ke JPN bagi mengangkat sumpah selaras dengan Jadual Pertama, Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya membuat pembayaran fi sebelum dikeluarkan dengan Sijil Kewarganegaraan.** Dalam hal ini, kad pengenalan (MyKad) hanya akan dikeluarkan kepada pemohon yang telah mempunyai Sijil tersebut. Berdasarkan rekod JPN dari 9 Mei 2018 hingga 15 Februari 2019, jumlah pemohon kewarganegaraan berketurunan India yang telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia adalah seramai 548 orang.